

15 AUG 1998

PDS-usul

PDS LULUS USUL MINTA JPN BENARKAN GUNA "KADAZANDUSUN"

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Kongres keempat Parti Demokratik Sabah (PDS) hari ini meluluskan usul meminta Jabatan Pendaftaran Negara membenarkan mana-mana rakyat Malaysia dari kaum Kadazan atau Dusun menggunakan nama suku bangsa "Kadazandusun" untuk mendaftar anak mereka.

Turut diluluskan pada kongres itu ialah usul menyokong semua dasar dan langkah kerajaan Barisan Nasional untuk memulihkan semula ekonomi negara dan negeri Sabah.

Wakil bahagian Kiulu Phanilau Kohong, ketika membahaskan usul penggunaan nama bangsa Kadazandusun itu, berkata cadangan itu wajar dan tepat pada masanya dalam mencari jalan penyelesaian kepada krisis identiti suku bangsa Kadazan dan Dusun.

"Misalnya, dalam satu kes, surat beranak seorang bapa, nama suku bangsa ialah Dusun, tetapi dalam surat beranak anak beliau, nama suku bangsanya Kadazan. Kemudian ada pula kakaknya yang bersuku bangsa Kadazan manakala adiknya bersuku bangsa Dusun," katanya.

Beliau berkata krisis identiti itu, berlaku kerana ibu bapa yang tidak pandai menulis terutama pada tahun enam puluhan terlalu bergantung kepada kerani JPN atau bidan kampung untuk mengisi borang pendaftaran kelahiran anak mereka.

"Polemik Dusun dan Kadazan begitu hebat pada tahun enam puluhan. Jadi bagi kerani pendaftaran dan bidan kampung yang begitu ghairah mempromosikan nama suku bangsa Kadazan dia tulis nama suku bangsa Kadazan dan begitulah sebaliknya.

"Sebab itu, jika kita ikut pada kebiasaannya, orang yang dikatakan Kadazan ialah, orang daripada Papar dan Penampang. Tetapi pada hari ini ramai orang Kota Belud, Kota Marudu, Beluran, Tamparuli, Ranau, Kiulu, Keningau dan Tambunan juga beridentiti suku bangsa Kadazan," katanya.

Selain itu, Phanilau berkata, ia juga memperkukuhkan nama Kadazandusun sebagai nama suku bangsa terutama sekali setelah Kadazandusun diterima sebagai satu daripada bahasa ibunda yang diajar di sekolah bermula tahun lepas.

Untuk menangani permasalahan itu JPN perlu mewujudkan satu garis panduan pendaftaran kelahiran khas untuk suku bangsa Kadazandusun dan Murut, katanya.

Phanilau bagaimanapun, berkata ini tidak bererti nama suku bangsa "Kadazan" dan "Dusun" tidak boleh digunapakai sebaliknya kedua-dua nama bangsa itu terus digunakan kepada mereka yang mahu berbuat demikian.

"Yang kita tekankan di sini ialah mana-mana ibu bapa yang ingin menggunakan nama bangsa Kadazandusun dalam surat kelahiran anak mereka, dibenarkan berbuat demikian," katanya.

Beliau berharap usul itu tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak kerana niat parti adalah suci iaitu memberi sumbangan ke arah memantapkan identiti suku bangsa Kadazandusun.

"Syukurlah PDS telah berjaya menjadi satu institusi politik yang telah mengambil langkah-langkah penyatuan dan perpaduan masyarakat Kadazandusun secara konkrit," katanya.

Beliau berkata di bawah pimpinan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, PDS telah menubuhkan Yayasan Bahasa Kadazandusun serta memastikan bahasa Kadazandusun diajar di sekolah di negeri ini.

Usul terakhir yang diluluskan pada kongres itu ialah bagi penggunaan nama keluarga atau datuk nenek sebagai "surname" bagi suku bangsa

Kadazandusun atau Kadazan atau Dusun dan Murut di Sabah.

Kongres dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

NT MAI